

20/10/2001

Rakyat berpendapatan rendah dapat banyak faedah: Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, tumpuan Belanjawan 2002 yang dibentangkannya hari ini adalah untuk kepentingan dan faedah rakyat berpendapatan rendah.

Perdana Menteri berkata, pengurangan cukai pendapatan akan membebaskan ramai golongan itu daripada keperluan membayarnya, manakala pemberian bonus kakitangan awam membantu mereka membuat persiapan pendidikan anak-anak dan menyambut perayaan.

"Walaupun kita memberi bonus setengah bulan gaji, untuk kumpulan berpendapatan rendah kita memberikannya RM1,000, yang kadang kalanya hampir menyamai upah dua bulan gaji.

"Oleh itu, idea (Belanjawan 2002) adalah untuk memberi lebih kepada kumpulan berpendapatan rendah," katanya kepada pemberita selepas membentangkan belanjawan tahun depan, di Dewan Rakyat, hari ini.

Kira-kira 850, 000 kakitangan awam akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun ini dan kenaikan gaji 10 peratus tahun depan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan turut membelanjakan lebih banyak wang bagi kawasan luar bandar selain memberi perhatian kepada kontraktor kecil supaya mereka memperoleh pendapatan lebih baik.

"Kita juga akan melatih lebih ramai orang yang tidak mempunyai pekerjaan supaya mudah bagi mereka mendapat kerja. Banyaklah cadangan bertujuan menaikkan pendapatan golongan berpendapatan rendah," katanya.

Beliau bagaimanapun berharap kumpulan terbabit terus produktif dalam menjalankan tugas mereka di samping menikmati insentif kerajaan.

Mengenai peruntukan untuk sekolah agama, beliau berkata jika tenaga pengajarnya mengajar sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam, tidak ada sebab bagi kerajaan untuk menyokong mereka.

"Sekolah agama adalah untuk mengajar agama. Jika mereka mengajar sesuatu yang bertentangan dengan Islam, kita tidak nampak sebab mengapa kita harus memberi wang kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, harga baru runcit petrol yang dinaikkan sebanyak 10 sen seliter akan berkuat kuasa esok bagi mengelak sesetengah pihak mengambil kesempatan mendapatkan bekalan berlebihan.

Mengenai strategi Belanjawan 2002, beliau berkata, kerajaan ingin melihat kegiatan ekonomi dalam negara terangsang melalui langkah meningkatkan perbelanjaan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan empat hingga lima peratus KDNK.

"Penekanan kita adalah (ekonomi) dalam negara untuk menyumbang kepada KDNK, dan bukan dari sumber luar. Kita fikir kita boleh buat begitu terutama sekarang ini kita mengalirkan lebih banyak wang untuk bertukar tangan.

"Kita berharap peruncit dan orang lain juga mendapat faedah daripada wang lebih, yang dibelanjakan oleh kakitangan kerajaan dan yang lain dalam kumpulan berpendapatan rendah," katanya.

Dr Mahathir berkata, seboleh-bolehnya kerajaan mahu pertumbuhan ekonomi untuk tahun depan dirangsang oleh kegiatan dalam negara berikutan faktor luaran yang kurang baik.

Bagaimanapun katanya, dalam belanjawan kali ini kerajaan tidak boleh untuk sekali lagi memperkenalkan peruntukan pakej khas bagi mengekang keadaan ekonomi dunia.

"Saya rasa ada had mengenai apa yang kita boleh belanja dalam setahun. Jika kita belanja terlalu banyak, ia sudah tentu menjejaskan keadaan kewangan. Tetapi kali ini kita belanja lebih banyak untuk projek kecil," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memerhati keadaan dan jika ekonomi dunia semakin buruk, maka ia akan mengambil tindakan tertentu.

Katanya, sumber kewangan dalam negara mencukupi terutama dalam sistem perbankan yang kini mempunyai kira-kira RM80 bilion, yang boleh digunakan oleh kerajaan.

"KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) pun ada, memang banyak tabung dalam negara...tak perlu pinjam dari luar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak perlu mengurangkan cukai korporat kerana Malaysia tidak mengenakan sebarang cukai ke atas dividen, seperti dilakukan negara lain.

Malah katanya, kadar faedah juga tidak perlu diturunkan kerana tahap di antara enam dan tujuh peratus sekarang adalah baik untuk orang ramai menjalankan kegiatan perniagaan.

"Jika kadar faedah terlalu rendah, orang ramai tidak akan membuat simpanan tetap (dalam bank). Kita terpaksa mengimbangi keadaan supaya orang ramai terus menyimpan dan daripada simpanan itu, kita boleh membiayai banyak benda lain," katanya.

Mengenai kenaikan duti import dan eksais bagi rokok dalam Belanjawan 2002 itu, beliau berkata ia adalah kegiatan tidak sihat dan tidak ada sebab keperluan mereka dipenuhi.

"Mengapa saya harus menyebelahi perokok, saya cuba menyelamatkan nyawa mereka. Janganlah menghisap rokok terutama di hadapan budak-budak. Sebelum ini saya tengok banyak kes barah paru-paru dan kerongkong. Dalam Kabinet, tiada siapa dibenar merokok...jika mereka mahu merokok, mereka terpaksa keluar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau menerima permohonan maaf daripada agensi berita antarabangsa Associated Press (AP) kerana laporan berita yang dibuat oleh wartawannya Sean Yoong pada 8 Oktober lalu yang memetik Perdana Menteri di luar konteks.

(END)